

03/10/2002

Isu bahasa Inggeris bukti pandangan jauh Dr M

reports on "Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu 2002" by Tuan KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpandangan jauh apabila memperkenalkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah mulai tahun depan, kata Pensyarah Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Isahak Haron.

"Beliau memandang jauh. Untuk survival bangsa Melayu, Dr Mahathir mahu perubahan strategik ini dibuat mulai tahun depan. Bagi beliau, maju bangsa, majulah bahasa dan negara," katanya.

Perdana Menteri yakin adunan baru dalam sistem pendidikan negara itu akan membawa rakyat ke era teknologi maklumat (IT).

"Dalam konteks globalisasi, sistem ekonomi liberal, IT dan perkembangan ilmu yang pesat, bahasa Inggeris menjadi bahasa dominan menyebabkan orang Melayu yang hanya pandai berbahasa Melayu, mula tersepit dan merasakan seolah-olah mereka belajar di sekolah Melayu pada zaman penjajahan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mesti teratur dan tidak terburu-buru supaya ramai pelajar Melayu dapat diselamatkan dan tidak tercicir dalam dua subjek itu kerana kurang memahami bahasa Inggeris.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pandangan Orang Melayu dan Reform Dalam Pendidikan pada hari kedua Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu Pertama di sini, hari ini.

Isahak berkata, dalam konteks Malaysia ketika ini dan masa depan, penguasaan sekurang-kurangnya dua bahasa menjadi keperluan, terutama bahasa Inggeris kerana ia dapat 'membuka pintu' gedung pelbagai cabang ilmu dan sentiasa berkembang pesat.

Selain bahasa, katanya, penguasaan menggunakan pelbagai alat teknologi komunikasi baru (radio, televisyen, komputer, cakera padat dan video cakera padat) juga banyak membantu mempercepatkan akses kepada maklumat.

"Tetapi untuk cekap berfikir secara analitikal, kritikal dan kreatif, pelajar perlu menghayati apa yang diberi Allah, melalui apa yang telah diterokai dan dibina tamadun manusia," katanya.

Isahak berkata, sepanjang setengah abad lalu, ramai pelajar Melayu dari kampung dengan cepat mengubah cara berfikir secara rasional, kemudian secara global apabila diberi pendidikan dan latihan moden yang relevan.

Katanya, bangsa Melayu akan menjadi bangsa yang besar dan bijak sekiranya potensi dan bakat mereka dikembangkan.

"Bakat dan kebolehan mereka dalam pelbagai bidang boleh dikembangkan dengan pendidikan yang sesuai dan kaya. Mereka perlu diberi peluang mendapat latihan," katanya.